



Penyelidik UMP terus cemerlang di SIIF Korea

Oleh: NOOR SYAHIDAH SABRAN

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mencipta kecemerlangan dengan memenangi tiga pingat emas dan dua perak dalam Pameran dan Rekaan Antarabangsa Seoul 2013 (SIIF) yang berlangsung di Convention & Exhibition Center (COEX), Seoul, Korea anjuran Korea Invention Promotion Association (KIPA) pada 2 Disember 2013 yang lalu.

Pingat emas diraih penyelidik dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak dengan tajuk "Underground Water Treatment For Iron Removal: Green Technology Filter Media" yang menemui kaedah rawatan air bawah tanah.

Begitu juga dengan penyelidik dari fakulti yang sama, Dr. Gurumurthy Hedge turut menerima pingat emas bagi projek

penyelidikannya iaitu "Environmental Friendly Toxic Free Liquid Crystal Black Boards" dalam menghasilkan papan hitam yang bebas toksik.

Pingat emas juga diraih penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr. Ghazi Faisal Najmuldeen dengan projek penyelidikan bertajuk 'A Method Of Removing Oxygenate Compound From Oxygenates Contaminated Water And A System Thereof'.

Sementara itu, dua penyelidik yang menyumbang pingat perak menerusi projek penyelidikan mereka ialah Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) bertajuk "Ftp2r- A Fault Tolerant Unit Testing Tool For Java Program" dan penyelidik dari FSTI, Dr. Saiful Nizam Tajuddin dengan projek penyelidikan bertajuk "Self-Plasticized Acrylic

Microspheres- Based Chemo Sensor For Visual Detection Of Nitrite In Edible Bird's Nests".

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berbangga dengan kemampuan penyelidik UMP yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Beliau mengharapkan kejayaan ini dapat memberi suntikan semangat dalam kalangan penyelidik untuk mencipta kejayaan dan berkongsi kepakaran bagi dimanfaatkan oleh masyarakat sejagat.

Pameran SIIF 2013 menyaksikan penglibatan 135 penyertaan dari Malaysia dengan disertai oleh pelbagai IPTA dan agensi. Lain-lain membabitkan penyertaan 32 buah negara termasuk Jerman, Taiwan, Rusia, Thailand, Vietnam, Hungary, Sweden, Brazil, Romania, UK, Qatar, Kuwait, Iran, Korea Selatan, Croatia, Taiwan, Amerika Syarikat dan Poland.